

32 pelajar USIM sertai program mencari, menyelamatkan

JELEBU 18 Nov. - Seramai 32 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Program Mencari dan Menyelamat anjuran Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) universiti tersebut.

Program itu yang mendapat kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri ini berlangsung selama tiga hari sejak kelmarin di Jeram Enggang, Kampung Ulu Jelebu di sini.

Pegawai Bencana Operasi dan Latihan JPAM negeri, **Abdul Baith Abdul Rahim** berkata, program itu merupakan siri kedua yang melibatkan aktiviti mencari dan menyelamatkan dengan dibantu oleh seramai 15 orang jurulatih dari JPAM negeri.

“Peserta akan dilatih mengenai ikhtiar hidup ketika di dalam hutan, membuat tempat perlindungan, cara menjaga kawasan, cara mendapatkan pertolongan, mempelajari cara mendapatkan makanan dan mengenal tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan di dalam hutan,” katanya ketika ditemui hari ini.

Peserta, **Noor Zurreyatina Abdul Rahman**, 22, berkata, kesabaran yang tinggi diperlukan oleh setiap peserta



NOOR ZURREYATINA



SALIMATUL SANIAH



MUHAMMAD ABDULLAH

perempuan mampu mengikuti program mencari dan menyelamatkan dengan dibantu jurulatih JPAM yang mempunyai ilmu yang tinggi mengenai selok belok hutan.

“Saya berharap le-

kerana aktiviti yang dijalankan sangat mencabar dan berbahaya.

“Aktiviti dimulakan dengan fasa satu di mana kami dikehendaki berjalan sejauh enam kilometer untuk sampai ke jeram bermula pada pukul 10 malam dan tiba pada pukul 2 pagi Jumaat lalu yang mana memerlukan semangat kerjasama yang tinggi daripada peserta,” ujarinya.

Salimatul Saniah Mat, 21, pula berkata, peserta perlu membuat tempat perlindungan sendiri, menghidupkan api, mencari lereng bukit, mencari makanan sendiri yang merupakan satu pengalaman sangat berguna dan sukar diperolehi di tempat lain.

Muhammad Abdullah Asmaon, 23, berkata, sebagai lelaki, dia berasa sangat tercabar melihat pelajar

bih ramai pelajar serta masyarakat awam menyertai gelombang sukarelawan memandang jumlahnya masih sedikit di negara ini berbanding dengan penyertaan di luar negara,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Jelebu, **Nurazizuan Mohd. Nor** berkata, masyarakat digalakkan untuk menyertai JPAM kerana ilmu yang diperolehi menerusi program seperti itu sangat berfaedah.

“Setakat ini kami mempunyai kekuatan seramai 30 anggota dan penduduk yang tinggal dengan kawasan berdekatan boleh menghubungi pejabat JPAM daerah jika terdapat sebarang kemalangan; bencana mahupun kejadian yang tidak diingini di talian 06-6134022,” jelasnya.



SEBAHAGIAN anggota Sispa USIM bergotong-royong membina tempat perlindungan di Jeram Enggang, Kampung Ulu Jelebu, Negeri Sembilan, semalam.